

بَابُ قَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا أَعْلَمُكُمْ بِاللَّهِ وَأَنَّ الْمَعْرِفَةَ فَعَلَ الْقَلْبُ لِقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (وَلَكِنْ يُوَازِخُكُمْ بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ)

Bab 13 : Sabda Nabi SAW “Saya adalah orang yang paling tahu di antara Kamu Tentang Allah” dan makrifat itu adalah perbuatan hati kerana Allah telah berfirman وَلَكِنْ يُوَازِخُكُمْ بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ bermaksud: “tetapi dia mengira sebagai kesalahan kepada kamu dengan apa yang diusahakan oleh hati-hati kamu”

١٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ ﴿كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَمَرَهُمْ أَمْرَهُمْ مِنَ الْأَعْمَالِ بِمَا يُطِيقُونَ قَالُوا إِنَّا لَسْنَا كَهَيْئَتِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ قَدْ غَفَرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ . فَيَغْضَبُ حَتَّى يُعْرِفَ الْغَضَبُ فِي وَجْهِهِ ثُمَّ يَقُولُ إِنِّي أَتَقَاكُمْ وَأَعْلَمُكُمْ بِاللَّهِ أَنَا﴾

19- Muhammad bin Salaam telah meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Abdah telah memberitahu kami dari Hisyam dari ayahnya dari 'Aaisyah, beliau berkata : “Rasulullah SAW apabila menyuruh orang, Baginda akan menyuruh mereka melakukan `amalan yang mampu dilaksanakan oleh mereka, (tetapi) mereka pula berkata : “Kami tidak seperti mu wahai Rasulullah, kerana sesungguhnya Allah telah mengampunkan dosamu yang terdahulu dan yang terkemudian”. Maka marahlah Rasulullah SAW sehingga nampak (tanda-tanda) kemarahan pada wajahnya kemudian Baginda SAW bersabda: “Sesungguhnya yang paling bertaqwa dan yang paling tahu tentang Allah di antara kamu adalah aku.”